



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI**  
NO.2A, JALAN 2/18A  
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH  
51200 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-61794752  
Faksimile : 03-62414679  
E-mel : wea0260@moe.edu.my

Ruj. Kami : SMKTP(PIBG).100-13/1/4 (05)  
Tarikh : 31 Mei 2021

**Ibu bapa / Penjaga**  
**SMK Tiara Permai**  
**Kuala Lumpur**

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PELETAKAN JAWATAN YANG DIPERTUA PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU SMK TIARA PERMAI**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pihak sekolah telah menerima surat peletakan jawatan sebagai Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SMK Tiara Permai daripada Encik Din bin Omar pada 24 Mei 2021 melalui serahan tangan. Beliau telah memaklumkan melalui surat dan juga secara lisan bahawa beliau terpaksa meletakkan jawatan atas faktor kesihatan dan urusan kerja hakiki yang semakin bertambah.

3. Untuk memaklumkan YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan, peletakan jawatan Encik Din bin Omar sebagai Yang Dipertua PIBG telah dibincangkan dalam Mesyuarat Ahli Jawatankuasa PIBG SMK Tiara Permai Bil.1/2021 yang dipengerusikan oleh Naib Yang Dipertua PIBG pada 29 Mei 2021. Mesyuarat sebulat suara menerima peletakan jawatan Encik Din bin Omar dan bersetuju sebulat suara agar Tuan Haji Jamalludin bin Kasbi, Naib Yang Dipertua PIBG menjalankan tugas Yang Dipertua PIBG bermula 29 Mei 2021 sehingga Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) PIBG kali ke-4 diadakan pada tahun 2022.

4. Pihak sekolah ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Din bin Omar atas jasa dan khidmat bakti beliau semasa menerajui PIBG SMK Tiara Permai bagi sesi 2019/2020.

Perhatian YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAJI AZMAN BIN AB KADIR *AMW*)**  
Pengetua  
SMK Tiara Permai  
Kuala Lumpur